



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob **menafikan** kenyataan di media sosial yang mendakwa beliau tidak menggalakkan rakyat Singapura berkunjung ke Johor Bahru jika hanya untuk mengisi minyak kenderaan, mencuci kereta, makan-makan atau membeli barangan dapur yang murah. Beliau **menyeru** orang ramai agar berhenti menyebarkan berita palsu untuk mengelakkan tercetusnya salah faham dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.
2. Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya, Selangor **menafikan** dakwaan bahawa pertubuhannya terlibat dalam projek perusahaan ternakan ayam yang menjadi punca serangan lalat kepada penduduk di buah tiga buah kampung iaitu Sapintas, Bagan Nira dan Bagan Tunjang di Parlimen Sabak Bernam. Beliau **menjelaskan** bahawa projek ternakan ayam tersebut diusahakan oleh individu dan pihaknya tidak lagi terlibat dalam projek tersebut sejak tahun 2014.

